Source: *Berita Harian,* p17
Date: 14 September 2026

BAHASA, BUDAYA & WARISAN KITA

Pegang pesan datuk, siswazah NUS raih Anugerah Yayasan Warisan Melayu

Minat dalami dan menyumbang kepada masyarakat Melayu berputik sejak di bangku sekolah

FARAH DHABITAH ABU SAMAH
dhabitah@sph.com.sg

Bagi Encik Muhammad Danial Afiq Fharick, pengajian ijazah Sarjana Muda Sastera dalam bidang Pengajian Melayu bukan sekadar membuka peluang untuk mempelajari budaya dan sejarah masyarakat Melayu.

Malah, ia turut memperluas sudut pandangnya dalam memahami pelbagai aspek kehidupan serta cabaran yang dihadapi masyarakat Melayu.

Keputusan untuk memilih bidang Pengajian Melayu dibuat atas minat sendiri tanpa tekanan daripada sesiapa, meskipun datuknya memainkan peranan penting dalam membentuk minat dan pandangannya terhadap masyarakat.

"Sejak kecil, datuk saya sering menekankan kepentingan memahami masyarakat sendiri dan memberi kembali kepada komuniti.

"Nilai itu akhirnya menjadi sebahagian daripada perjalanan saya untuk mengenali masyarakat Melayu dengan lebih mendalam, serta mencari ruang untuk saya sendiri menyumbang kembali kepada masyarakat," ujar Encik Danial, 25 tahun.

Perjalanan akademiknya mendapat pengiktirafan apabila beliau dinobatkan sebagai penerima Anugerah Yayasan Warisan Melayu (MHF) bagi tahun akademik 2025 hingga 2026.

Anugerah tersebut diberikan setiap tahun kepada pelajar ijazah Kepujian terbaik daripada Jabatan Pengajian Melayu, Fakulti Sastera dan Sains Kemasyarakatan, Universiti Nasional Singapura (NUS).

Ia disertakan dengan hadiah wang tunai sebanyak $1,000 bagi menggalakkan lebih banyak penyelidikan dalam bidang warisan Melayu.

Wartawan Berita Harian, Encik Muhammad Danial Afiq Fharick, yang juga siswazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian), Pengajian Melayu, Universiti Nasional Singapura (NUS), merupakan penerima Anugerah Yayasan Warisan Melayu bagi tahun akademik 2025 hingga 2026. – Foto BH oleh FANDY RAZAK

Sepanjang pengajiannya, Encik Danial berpeluang meneliti pelbagai isu yang dekat dengan kehidupan masyarakat Melayu, termasuk isu sosial, undang-undang keluarga, politik serantau, ekonomi, dan sejarah.

Menurutnya, pendedahan kepada pelbagai bidang tersebut membantunya melihat pengalaman dan cabaran masyarakat Melayu daripada perspektif yang lebih menyeluruh.

Menurut Encik Danial yang menamatkan pengajian NUS pada Julai 2026 dan kini bertugas sebagai wartawan di *Berita Harian* (BH), minat untuk mendalami masyarakat Melayu mula berputik sejak di bangku sekolah.

Sebelum melanjutkan pelajaran dalam bidang Pengajian Melayu di universiti, beliau mengambil mata pelajaran H2 Bahasa dan Kesusasteraan Melayu di Maktab Rendah Tampines Meridian (TMJC).

"Pengalaman itu kemudian mendorong saya untuk mendalami lagi masyarakat sendiri dari pelbagai sudut," katanya.

Mengulas mengenai anugerah tersebut, Encik Danial turut merakamkan penghargaan kepada Yayasan Warisan Melayu atas pengiktirafan yang diberikan.

Beliau berharap pengiktirafan itu dapat menjadi dorongan kepada penerima pada masa hadapan untuk terus menggunakan ilmu dan pengalaman yang diraih demi memberi manfaat kepada masyarakat.

"Semoga setiap sumbangan yang diberikan dipandu oleh rasa tanggungjawab, tujuan, dan empati yang teguh dalam usaha membawa perubahan positif melalui kerja yang dilakukan," ujarnya.

> "Sejak kecil, datuk saya sering menekankan kepentingan memahami masyarakat sendiri dan memberi kembali kepada komuniti. Nilai itu akhirnya menjadi sebahagian daripada perjalanan saya untuk mengenali masyarakat Melayu dengan lebih mendalam, serta mencari ruang untuk saya sendiri menyumbang kembali kepada masyarakat."
>
> **Encik Muhammad Danial Afiq Fharick, penerima Anugerah Yayasan Warisan Melayu (MHF) bagi tahun akademik 2025/2026.**

Source: Berita Harian © SPH Media Limited. Permission required for reproduction.